


-Semasa prosedur dijalankan pesakit mungkin mengalami ke kembungan pada bahagian abdomen akibat daripada udara /gas yang dimasukkan bagi memudahkan kolonoskop dimasukkan. Pesakit perlu berkerjasama sepanjang prosedur dijalankan dan prosedur ini mengambil masa sekurang-kurangnya 30-60 minit.

-Pesakit akan diawasi sepanjang prosedur untuk mengelak sebarang komplikasi.
-Doktor akan menentukan jika pemeriksaan ini mencukupi atau pemeriksaan lain diperlukan jika prosedur ini tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya.



SELEPAS PROSEDUR

-Pesakit akan direhatkan di ruang yang disediakan untuk memantau keadaan pesakit sehingga discaj.
-Pesakit mungkin merasa kurang selesa pada bahagian abdomen sejurus selepas prosedur kolonoskopi dilakukan akibat daripada udara yang dimasukkan melalui usus besar semasa prosedur dijalankan. Rasa sakit ini akan berkurangan setelah pesakit direhatkan di ruang pemulihan dan jangka masa pesakit di rehat atau diawasi sekurang-kurang 30-60 minit sehingga pesakit benar-benar sedar.

Jika anda mengalami kesakitan yang teruk dan berlanjutan pada bahagian abdomen, keluar pendarahan yang banyak dari saluran buang air besar anda perlu mendapatkan rawatan susulan daripada hospital yang berdekatan dengan segera.

SEBELUM DISCAJ

Sila dapatkan temujanji klinik surgery atau klinik gastro (perubatan) sebelum balik ke rumah untuk rawatan susulan. Keterangan lanjut mengenai keadaan dan rawatan anda akan diberitahu semasa anda menghadiri temujanji di klinik tersebut.

Dapatkan ubat di farmasi yang berdekatan jika ada (Farmasi Satelit)




JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN ATAU SEBARANG KERAGUAN SILA HUBUNGI PUSAT PERKHIDMATAN ENDOSKOPI, TINGKAT 1, PUSAT PERUBATAN UKM

**TEL;03-91455555 EXT: 7461/7462
ISNIN-JUMAAT (2.00PTG-5.00PTG)**

KOLONOSKOPI

PUSAT PERKHIDMATAN ENDOSKOPI PPUKM



APAKAH ITU KOLONOSKOPI?

APAKAH ITU KOLONOSKOPI

Kolonoskopi merupakan satu prosedur yang menggunakan videoscope untuk memeriksa bahagian usus besar (colon). Pemeriksaan bermula daripada Anus – Rektum – Sigmoid – Descending colon – Transverse colon – Ascending colon – Caecum. Ia dilakukan bagi mengesan sebarang abnormaliti pada keseluruhan usus besar.

INDIKASI BAGI KOLONOSKOPI

Pesakit yang mengalami gejala atau tanda-tanda seperti:

- Kesakitan pada bahagian bawah abdomen.
- Berlaku pendarahan apabila pesakit membuang air besar.
- Sembelit 'Constipation'
- Cirit- birit pada jangka masa yang lama (Chronic Diarrhea)
- Perubahan pada "bowel habit"
- Kekurangan sel darah merah (Anemia)
- Perubahan pada "bowel habit"
- Kekurangan sel darah merah (Anemia)

Menentukan atau mengenal pasti sesuatu penyakit seperti:

- Kanser usus
- Polyps
- Buasir (Hemorrhoid)
- Ulceratis colitis



PERSEDIAAN PESAKIT SEBELUM KOLONOSKOPI

Pesakit perlu mengambil ubatan cecair laksatif 1 hari sebelum prosedur dijalankan.

Cecair laksatif ini bertujuan bagi membersihkan kolon daripada najis agar kolon dapat dilihat melalui videoscope tersebut disamping untuk memudahkan prosedur kolonoskopi dijalankan.

Cara pengambilan tentang ubat laksatif akan diberitahu dengan lebih terperinci kepada pesakit mengikut panduan yang telah ditetapkan.

- Pesakit perlu berpuasa pada pukul 12 tgh malam sebelum prosedur dijalankan.
- Pesakit dilarang memakai aksesori-aksesori perhiasan diri seperti jam tangan, barang kemas dan lain-lain. Simpan barangan peribadi seperti dompet, telefon pada waris atau tempat simpanan barang yang telah disediakan.
- Pesakit dibenarkan mengambil ubatan rutin harian **kecuali ubat kencing manis** sebelum prosedur dijalankan dengan mengambil kuantiti **air kosong** yang sedikit bagi mengelakkan sebarang komplikasi.
- Pesakit perlu membawa kain sarung pada hari pemeriksaan.



PERINGATAN KEPADA PESAKIT

- Adalah lebih baik jika pesakit memaklumkan kepada Pegawai Perubatan mengenai ubat-ubatan seperti ubat cair darah atau sebarang alahan dan alahan terhadap sebarang ubatan.
- Pesakit dinasihatkan supaya ditemani oleh saudara/waris / kawan pada hari temujanji, ini adalah disebabkan kesan sedasi yang akan membuatkan anda mengantuk.
- Tidak digalakkan memandu lebih kurang 12 jam selepas prosedur.
- Dilarang mengendalikan mesin berat atau meminum minuman alkohol.

KESAN DARIPADA UBAT –UBATAN ITU AKAN MULA BERKURANGAN PADA KEESOKAN HARINYA DAN ANDA BOLEH MENERUSKAN AKTIVITI SEPERTI SEDIAKALA.

PADA HARI TEMUJANJI

- 1) Wang pembayaran untuk caj kolonoskopi adalah RM 200, separuh harga bagi warga emas yang berumur >55 tahun dan caj ubatan (jika terdapat ubat yang diberi oleh doktor) atau bawa surat jaminan daripada majikan ataupun kad pesara pada hari tersebut.
- 2) Sila hadir ke Pusat Perkhidmatan Endoskopi pada hari yang ditetapkan pada pukul 8.00 pagi. untuk pendaftaran.
- 3) Pesakit perlu menandatangani borang keizinan sebelum prosedur dan penerangan tentang prosedur diberikan oleh Pegawai Perubatan sebelum prosedur.
- 4) Pegawai Perubatan akan memasukkan '*intra vena bramula*' kepada pesakit supaya ubat sedasi dapat diberikan.
- 5) Pesakit perlu menukar kain sarung yang telah dibawa atau yang terdapat di Pusat Perkhidmatan Endoskopi.
- 6) Pesakit akan diberi ubat sedatif sebelum kolonoskop dimasukkan secara perlahan melalui usus besar dengan pesakit berbaring dalam posisi mengiring.